


'ISLAM HADHARI'

*Di Antara Tajdid
dan Modernisma*



*Satu Tinjauan Dari
Perspektif Sejarah*

M
297.2
MAA

MOHD AYOP ABD RAZID

**DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS DARI
PPAK**

**SEMPENA
PELANCARAN PESTA BUKU ISLAM
ANTARANGSA 2007 DI KELANTAN**

**ANJURAN
SPEEDI, PPAK, MPKB, JHEAIK**

M

‘ISLAM HADHARI’ DI ANTARA TAJDID DAN MODENISMA

**SATU TINJAUAN DARI
PERSPEKTIF SEJARAH**

M
297.2
MAA

MOHD AYOP ABD RAZID
B.A(Hons.) (Sastera:Sejarah/Sosiologi) (USM)
M.A. HSc. (History and Civilization) (UIA)

KANDUNGAN

Prakata Penerbit

BAB 1	: Pendahuluan	1
BAB 2	: Definisi, Konsep dan Falsafah	10
BAB 3	: Hadhari di Sisi Pandangan Cendiakawan Muslim	17
BAB 4	: Ekonomi Alat Pembangun Tamadun	25
BAB 5	: Islam Hadhari dan Pemikiran Tajdid	35
BAB 6	: Islam Hadhari dan Roh Modenisma	42
BAB 7	: Islam Hadhari dan Respon Perubahan	52
BAB 8	: Islam Hadhari dan Cabaran Kontemporari	59
BAB 9	: Penutup	69
	Lampiran	74
	Bibliografi	89

PRAKATA PENERBIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

ISLAM HADHARI merupakan satu konsep pembangunan yang banyak dibincang dan diperkatakan dewasa ini, khususnya di Malaysia. Berbagai pandangan pro dan kontra terhadap Islam Hadhari ini menunjukkan bahawa minat terhadap perbincangan mengenai perkara-perkara baru yang bersifat kontroversial terutamanya dalam konteks pemikiran Islam tetap sentiasa mendapat tempat di minda masyarakat kita. Secara positifnya ia merupakan sesuatu yang baik sesuai dengan usaha kita untuk melahirkan masyarakat yang kritikal dan analatikal. Ia sekurang-kurangnya membuka ruang perbincangan secara kritikal dan ilmiah tanpa prejudis terhadap mana-mana kehendak politik.

Buku *‘Islam Hadhari: Di antara Tajdid dan Modenisma, Satu Tinjauan Dari Perspektif Sejarah’* yang ditulis oleh saudara Mohd Ayop Abd Razid adalah satu usaha yang baik dalam konteks yang saya sebutkan di atas. Berlainan dengan buku-buku yang menyentuh tentang Islam Hadhari yang telah terbit dipasaran, buku ini cuba menjelaskan Islam Hadhari dari sudut *‘perspektif sejarah’*, khususnya dalam persoalan mengenai Sejarah Islah dan Tajdid di dunia Islam. Selain itu buku ini juga memberikan banyak pengetahuan mengenai konsep tamadun dari pandangan tokoh-tokoh Islam masa lalu serta menyentuh mengenai proses modenisma yang berlaku di dunia Islam, khususnya di zaman kolonialisma Barat ke atas dunia Islam.

Kupasan penulis dengan menggunakan bidang sejarah dan tamadun merupakan sesuatu yang amat menarik dan memberikan banyak pengetahuan mengenainya, khususnya kepada pembaca yang berada di luar bidang tersebut. Saya kira penulis telah menulis buku ini berdasarkan latarbelakang pengajiannya dalam bidang Sejarah dan Tamadun (*History and Civilization*).

Sekian, selamat membaca.

Haji Tajudin Senafi
Pengarah Pengurusan
Sarjana Media Sdn Bhd.

M
297-2
MAA

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA	
Tarikh perolehan:	27.11.07
Tarikh siap didokumentasi:	09/02/08
Tarikh disusun atas rak:	19/02/08
M 1273778 Hadiah •	

BAB 1

PENDAHULUAN

*Islam Hadhari*¹ merupakan satu konsep dan pendekatan pembangunan kerajaan yang menekankan pencapaian 10 prinsip asas melalui pendekatan Islam yang syumul sebagai penggerak dan pendorong kepada peningkatan daya saing umat. Fokus utama pendekatan Islam Hadhari ialah mempertingkatkan kualiti kehidupan melalui penguasaan ilmu, pembangunan insan, pembangunan kesihatan serta pembangunan fizikal.²

Di Malaysia usaha-usaha pembangunan telah pun dilaksanakan sejak pasca-merdeka dan terus menerus berjalan dengan pesatnya sehingga kini. Walaupun pada mulanya usaha-usaha pembangunan di Malaysia tidak dijenamakan atas nama Islam namun dari segi '*substansinya*' ia sekurang-kurangnya selari dengan tuntutan Islam yang menyeru agar ummah membangun dan memajukan kehidupan untuk dunia dan akhirat. Ini bermakna sebelum diperkenalkan konsep Islam Hadhari, program-program pembangunan di Malaysia telah pun mengandungi prinsip-prinsip dan nilai-nilai Islam yang dijadikan asas panduan oleh kerajaan secara tidak langsung.

Dasar-dasar awal dalam usaha menerapkan nilai-nilai ajaran

¹Ia telah diperkenalkan oleh Dato'Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika menyampaikan ucapan dasar di Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putera (PWTC) pada 23 September 2004.

² **Konsep Islam Hadhari**, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Percetakan Nasional Malaysia Berhad, 2004, hlm.3

Islam bermula apabila kerajaan melaksanakan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam pada tahun 1985. Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam ini merupakan satu usaha pembentukan dan pembangunan insan, khususnya di kalangan penjawat awam agar memiliki nilai-nilai mulia sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. Ini merupakan usaha dan tindakan awal kerajaan yang memerintah melahirkan pentadbir, pengurus dan teknokrat yang berakauntabiliti. Selain itu pendekatan dan proses Islamisasi juga telah diterap dan dilaksanakan secara meluas dalam beberapa sektor muamalah yang utama. Antaranya ialah dalam sektor kewangan di mana sistem kewangan dan perbankan Islam telah dilaksanakan sepenuhnya melalui perbankan Islam dan juga menjadi sebahagian daripada produk-produk yang dilaksanakan di bank-bank konvensional. Malaysia boleh dianggap sebagai negara paling maju dalam sistem perbankan Islam yang telah memperkenalkan berbagai-bagai produk baru yang berlandaskan prinsip syariah. Di kalangan dunia Islam, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) telah mula beroperasi pada tahun 1983, diikuti Bank Muamalat Malaysia Berhad pada tahun 1999. Sektor-sektor ini telah membuktikan keupayaan peranannya dalam dunia kewangan moden yang penuh persaingan ini.

Pertumbuhan institusi-institusi kewangan Islam ini disemarakkan lagi dengan institusi-institusi kewangan yang lain seperti *Takaful* (Insuran) Islam, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam, *Arrahnu* atau skim pajak gadai secara Islam, syarikat-syarikat broker secara Islam dan sebagainya. Sayugia diingat bahawa sebelum kewujudan institusi-institusi kewangan Islam tersebut, Lembaga Urusan Tabung Haji (LUTH) telah pun ditubuhkan pada tahun 1962 untuk menjana simpanan umat Islam bagi tujuan umat Islam di Malaysia mengerjakan ibadat haji. Kecemerlangan pengurusan secara Islam oleh LUTH telah

terbukti berkesan dan kini telah menjadi perhatian dan contoh kepada kebanyakan negara-negara Islam.

Dalam hal mempertingkatkan pemikiran Islam pula kerajaan telah mengambil inisiatif mewujudkan institusi-institusi pengajian Islam seperti Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Kolej-Kolej Islam yang kini bertaburan hampir di seluruh negara. Kewujudkan Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), Pusat Islam dan berbagai-bagai lagi badan-badan dan agensi-agensi Islam yang ditubuhkan adalah untuk mempertingkatkan imej dan syiar Islam di Malaysia khususnya dan dunia Islam amnya. Jelaslah bahawa komitmen kerajaan dalam melaksanakan syiar-syiar Islam ini merupakan usaha yang berterusan dan memberikan gambaran yang jelas bahawa Islam adalah agama yang selari dengan pembangunan, kemajuan dan kemodenan.

Di bawah kepimpinan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi kerangka konsep dan falsafah pembangunan negara menurut acuan Islam diperkemas, diperkuat dan dipermantapkan lagi melalui konsep dan falsafah Islam Hadhari. Islam Hadhari akan dijadikan pemangkin utama di dalam kerangka Wawasan 2020 yang telah diilhamkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 1991, sempena persidangan pertama Majlis Perdagangan Malaysia di Kuala Lumpur, pada 28 Februari 1991. Di majlis tersebut Tun Dr Mahathir telah memperkenalkan Wawasan 2020 di dalam ucapannya yang bertajuk '*Malaysia: The Way Forward*'.

Di dalam ucapan dasar yang disampaikan oleh Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi di Perhimpunan Agung UMNO tersebut beliau menjelaskan mengenai pengertian Islam Hadhari seperti berikut:

'Islam Hadhari bukanlah agama baru. Islam Hadhari

bukan ajaran baru. Islam Hadhari bukannya mazhab baru. Islam Hadhari adalah usaha untuk mengembalikan umat Islam kepada asas-asas fundamental. Asas dan fundamental menurut yang terkandung dalam al-Quran dan Hadith yang merupakan teras pembinaan tamadun Islam. Islam Hadhari jika ditafsirkan secara ikhlas- jika difahami secara jelas, sama sekali tidak akan memesong mana-mana umat Islam dari asas aqidah'.³

Semasa berucap di *The Asia Society of Australia*, Sdney, Australia (2005) beliau telah menjelaskan pengertian Islam Hadhari kepada dunia Barat sebagai '*Islamic Civilization*' iaitu satu pendekatan ke arah mencapai tamadun Islam yang progresif dan dinamik. Dalam erti kata lain beliau menjelas dan memberikan keyakinan kepada mereka bahawa Islam Hadhari adalah satu pendekatan bagi umat Islam supaya memahami bahawa Islam adalah agama yang berpatisipasi dalam pembangunan dan kemajuan dan ianya satu pendekatan yang selari dan bersesuaian dengan moderniti.

' Islam Hadhari is an approach that seeks to make Muslim understand that Islam enjoins progress. It is an approach that is compatible with modernity and yet firmly rooted in the noble values and injunctions of Islam. Indeed, it is an approach that values substance and not form'⁴

Usaha beliau dalam menerangkan pengertian Islam Hadhari

³ Petikan ucapan dasar YAB Dato'Seri Abdullah Ahmad Badawi di Perhimpunan Agung UMNO di PWTC, pada 23 September.2004

⁴ Petikan ucapan YAB Dato'Seri Abdullah Ahmad Badawi di The Asian Society of Australia di Sdney, Australia, pada 8 April 2005